

03 SEP 1998

Abdullah-Ekonomi

BELUM ADA REAKSI DARIPADA JIRAN LANGKAH BARU MEMULIHKAN EKONOMI

DURBAN, 3 Sept (Bernama) -- Malaysia telah menjelaskan kepada jiran-jirannya langkah baru yang diambil untuk memulihkan ekonomi adalah bertujuan untuk melindungi ekonomi negara daripada risiko yang disebabkan oleh faktor luaran.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau menyatakan perkara itu kepada rakan-rakan sejawatannya dari Indonesia, Singapura dan Thailand semasa perbincangan tidak formal Sidang Kemuncak Pergerakan Berkecuali Ke-12 (NAM), yang dirasmikan oleh Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela di sini semalam.

"Pada waktu ini tidak ada reaksi daripada mereka," kata beliau kepada pemberita Malaysia di sini.

Abdullah berkata mereka telah mendengar langkah baru itu, tetapi mereka tidak membincangkannya secara terperinci.

"Mungkin ia sesuatu yang agak mengejutkan, tetapi ia mempunyai tujuan untuk memulihkan ekonomi," kata beliau.

Beliau berkata adalah penting supaya langkah-langkah baru itu diberi masa yang cukup untuk menghasilkan keputusan.

"Jadi lebih baik kalau kita memberi sedikit masa sebelum melihat kesan langkah-langkah itu," kata beliau yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sidang kemuncak selama dua hari itu.

Jumaat lepas, Bank Negara mengumumkan bahawa langkah mengawal tukaran asing adalah untuk membendung spekulasi terhadap ringgit, bagi melindungi ekonomi daripada risiko yang disebabkan oleh faktor luaran.

Pemangku Gabenor Bank Negara Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz berkata ringgit tidak laku diperniagakan di seberang laut mulai 1 Okt ini.

Abdullah berkata beliau juga telah mengadakan perbincangan dua hala dan perbincangan tidak formal dengan rakan-rakan sejawatannya dari beberapa negara seperti Bangladesh, Mesir dan Myanmar.

Beliau juga telah bertemu dengan beberapa pemimpin termasuk Mandela dan memberitahu mereka mengapa Dr Mahathir tidak dapat menghadiri Sidang Kemuncak Durban.

Ditanya sama ada beliau dan rakan sejawatannya dari Singapura Prof. S.Jayakumar membincangkan masalah antara kedua-dua negara, Abdullah berkata mereka tidak membincangkan perkara itu.

"Isu-isu yang dibincangkan (dengan Jayakumar) ialah mengenai situasi di Kemboja, Myanmar dan Pertubuhan Perdagangan Seduania (WTO)," kata beliau.

Abdullah berkata perbincangannya dengan Menteri Luar Indonesia Ali Alatas adalah berkaitan usaha Thailand untuk mendapatkan jawatan Ketua Pengarah WTO dan keadaan di Kemboja.

Beliau memberitahu Alatas Malaysia akan menyokong usaha Thailand itu.

--BERNAMA

ES RI